

#### 4.12.3 Diploma Perguruan

Kriteria penganugerahan Lulusan Kursus Diploma Perguruan Malaysia adalah seperti Jadual 4 di bawah ini :

Pangkat	PMGT (CGPA)	Praktikum (Gred minimum)	Kokurikulum (Gred minimum)
Cemerlang	3.75 - 4.00	A	A
Kepujian	3.25 - 3.74	B+	B+
Lulus	2.00 - 3.24	C	C
Tidak Lulus danugerahkan Diploma	0.00 - 1.99	-	-

Jadual 4 : Kriteria Pangkat Diploma Perguruan

### 4.13 PENGANUGERAHAN SIJIL/DIPLOMA/ IJAZAH

4.13.1 Pelajar yang telah memenuhi semua syarat dan keperluan Institut berdasarkan keperluan kredit untuk kursus major, kursus teras, kursus wajib, elektif dan minor dengan PMGT 2.00 ke atas layak di anugerahkan Sijil / Diploma / Ijazah tertakluk kepada pengesahan Senat. Pelajar dikehendaki mengesahkan bahawa semua syarat telah dipenuhi sebelum disenaraikan sebagai pelajar yang tamat pengajian dan layak dianugerahkan Sijil / Diploma / Ijazah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 130, Akta Pendidikan [Akta 550].

- (a) Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Keujian (Bachelor of Teaching with Honours)
- (b) Diploma Perguruan Lepas Ijazah (Diploma in Education)

- (c) Diploma Perguruan Malaysia (Malaysian Diploma of Teaching)

4.13.2 Senat berhak menarik balik ijazah / diploma yang telah dianugerahkan kepada seseorang lulusan IPG, jika lulusan tersebut kemudiannya didapati mengemukakan dokumen kelayakan palsu semasa memasuki IPG.

### 4.14 KAWALAN PENSIJILAN

4.14.1 Setiap lembaran sijil / diploma / ijazah hendaklah ditandatangani oleh Rektor.

4.14.2 Setiap transkrip akhir hanya dikeluarkan oleh IPGM dan hendaklah ditandatangani oleh Rektor.

4.14.3 Naskhah asal sijil / diploma / ijazah akan diberikan sekali sahaja.

4.14.4 Surat akuan sijil / diploma / ijazah boleh dikeluarkan kepada calon yang memohon dengan sebab ijazah, diploma atau sijil asalnya telah hilang ataupun musnah. Laporan polis perlu dibuat dan disertakan bersama semasa membuat permohonan.

4.14.5 Pelajar boleh memohon untuk mendapatkan terjemahan sijil / diploma / ijazah serta transkrip keputusan peperiksaan dalam bahasa Inggeris.

4.14.6 Surat akuan sijil / diploma / ijazah dan transkrip keputusan peperiksaan serta terjemahannya hendaklah ditandatangani oleh Rektor.